



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 Jul 2021  
27 Zulkaedah 1442**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• 2,000 nelayan berisiko hilang sumber pendapatan</li><li>• Pihak berkuasa perlu siasat isu</li></ul>
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• Gamat RM1,000 sekilo jadi buruan</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan Vietnam curi 200kg gamat</li></ul>
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Free Malaysia Today	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT 12	TARIKH 07/07/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI	.....		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

12 **Negara!**

Nelayan Vietnam ceroboh perairan negara kaut untung berganda

## Gamat RM1,000 sekilo jadi buruan

Oleh TOREK SULONG

**PASIR PUTIH** — Kualiti gamat gred A di perairan negara yang mencecah harga RM1,000 sekilogram (kg) menjadikan faktor nelayan asing sanggup menceroboh perairan Kelantan.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim Muhd. Nur Sham Asmawie Yaacob berkata, gamat tersebut menjadi pilihan negara luar bagi pelbagai tujuan termasuk menghasilkan barang-barang kosmetik.

Terbaharu katanya, APMM menahan lima nelayan warga Vietnam termasuk seorang tekong berusia 25 hingga 38 tahun ketika menangguh gamat di lokasi 976 kilometer dari kuala Tok Bali di sini, Ahad lalu.

"Kira-kira puluh 5.55 petang, bot peronda mendapati sebuah bot nelayan asing sedang bersauh dan menyedari kehadiran pihak berkuasa, tekong cuba meloloskan diri dengan memecut laju bot ke arah perairan Vietnam.

"Nelayan bot itu juga bertindak agresif dengan melepaskan lingkaran tali di permukaan laut untuk menghalang bot peronda, namun mereka berjaya ditahan 15 minit kemudian," katanya pada sidang akbar di Jeti Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali di sini semalam.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati, kesemuanya nelayan asing itu tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri dan dokumen kebenaran menangkap hasil laut di negara ini.

"Kita merampas 200 kg gamat, 2,000 liter minyak diesel dan peralatan menangguh dengan nilai keseluruhan sebanyak RM300,000.

"Harga sekilogram gamat di Vietnam boleh mencucah RM1,000 1kg, manakala di negara ini RM60 untuk gamat basah dan RM500 bagi gamat kering," kata-nya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985. Sementara itu, di Terengganu, Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, pihaknya menahan bot kargo "Sebanyak 4 tan sotong, 1,000 liter minyak diesel dan bot kargo yang dianggarkan bernilai RM2 juta telah dirampas," ujarnya.

Tambahnya, seramai 12 kru bot kargo tersebut ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 15 (i) (a) Akta Perikanan 1985 dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

MUHD. NUR SYAM ASMAWIE (kiri) melihat gamat yang ditangkap nelayan Vietnam di Tok Bali, Pasir Puteh semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT 29	TARIKH 07/07/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

SINAR HARIAN • RABU 7 JULAI 2021

**Sinar NEGERI** • KELANTAN 29

**PERKASAAN SUARA MALAYSIA**

# Nelayan Vietnam curi 200kg gamat

Lima ditahan menerusi Op Naga Barat dan Op Gamat

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

**A**genzi Pengawas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan lima nelayan asing warga Vietnam yang cuba mencuri 200 kilogram (kg) gamat berkualiti tinggi pada jarak 42.7 batu nautika dari muara Tok Bali di sini pada Ahad.

Penahanan lima nelayan termasuk tekong bot berusia antara 25 hingga 38 tahun itu dilakukan pada jam 6.10 petang menerusi Op Naga Barat dan Op Gamat. Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Muhamad Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, pemeriksaan lanjut ke atas bot itu membawa kepada penemuan 200kg gamat ber-

kata, semasa melakukan rondaan pihaknya telah tersempak dengan bot nelayan Vietnam yang menceroboh masuk ke kawasan perairan negara di negeri ini.

"Bot Kilat 17 milik Maritim Malaysia Kelantan telah bertindak mengejar bot nelayan asing itu, namun mereka bertindak agresif dengan menampakkan tali bagi menghalang tugas anggota pengawal kuasa," katanya pada sidang akhbar di Markas Maritim Malaysia Tok Bali di sini pada Selasa.

Bagaimanapun menurutnya, hasil ketangkasannya dan semangat tinggi anggota telah berjaya menahan bot nelayan Vietnam itu.

Beliau berkata, sejurus di dalam kesemua suspek gagal mengemukakan dokumen sah dan surat kebenaran untuk kerja-kerja menangkap ikan di perairan negara.

Muhamad Nur Syam Asmawie berkata, pemeriksaan lanjut ke atas bot itu membawa kepada penemuan 200kg gamat ber-

kualiti tinggi dan 2,000 liter minyak diesel.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dianggaran berjumlah RM300,000.

"Walaupun nilai rampasan agak kecil, namun kerosakan yang dilakukan oleh nelayan asing itu sangat teruk untuk hidupan laut di Malaysia."

"Hal ini kerana, kesan kerrosakan itu mengambil masa selama lima tahun untuk pulih," katanya.

Muhamad Nur Syam Asmawie berkata, Maritim Malaysia Kelantan akan terus memperketatkan lagi rondaan dan kawal-

an di perairan negara bagi mengekang aktiviti pencerobohan nelayan asing.

Beliau berkata, Maritim Malaysia Kelantan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak atau individu yang bertindak melanggar undang-undang negara.

Maritim Malaysia Kelantan menahan lima nelayan asing warga Vietnam yang mencuri 200kg gamat berkualiti tinggi pada jarak 42.7 batu nautika dari muara Tok Bali, Pasir Puteh pada Ahad.

## JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT 9	TARIKH 07/07/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRaits TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	.....		
<b>KATEGORI LIPUTAN :</b>	<b>POSITIF</b>			<b>NEGATIF</b>		<b>NEUTRAL</b>			

BH Rabu, 7 Julai 2021 •

## Nasional

9

**Isu Batu Puteh**

# 2,000 nelayan berisiko hilang sumber pendapatan



**Batu Puteh** Sistem perikanan di sekitar Batu Puteh yang dilanda badai selama dua hari.

**Rancangan tambak kawasan Batu Puteh akibatkan negara hilang perairan**

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_no@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kira-kira 2,000 nelayan sekitar Pengerang dan Se-dili, Kota Tinggi, berisiko kehilangan sumber pendapatan utama mereka, jika Malaysia ter-

lepas perairan Tompok Utara di Johor Timur dekat Kota Tinggi. Wakil nelayan kawasan Pengerang, Azman Nor, 52, berkata nelayan kawasan Johor Timur sekian lama berdepan dengan isu hasil laut yang semakin berkurangan, selain isu pencemaran.

Katanya, jika rancangan Singapura menambak kawasan Batu Puteh, kira-kira 7 batu nautika dari Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, nelayan kawasan berke-naan dikhawatir terus dihimpit pelbagai masalah.

"Jika benar projek tambakan Batu Puteh berlaku, ia boleh menyebabkan perairan Malaysia di Johor Timur menjadi lebih kecil

apabila ditutup Singapura, ia akan menjadi iguan paling ne-gri golongan nelayan.

"Kami semakin terhimpit de-nan pembangunan di sekelling kawasan perairan Johor Timur jika kawasan perairan yang menjadi punca rezeki berjaya diram-pas negara lain, penderitaan ne-layan di sini akan lebih besar."

"Bayangkanlah 2,000 nelayan kecil berebut mencari rezeki di kawasan perairan yang semakin terhad, saya percaya ia akan akhirnya membunuh nelayan kecil di Kota Tinggi," katanya ke-tika dihubungi.

Malaysia dikhawatir akan ke-hilangan perairan Tompok Utara di Johor Timur berhampiran

Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, dekat sini, jika tidak membuat bantahan terhadap tindakan Singapura yang akan mula me-nambah tanah di sekitar Batu Puten atau Pedra Branca.

Sumber industri maritim ber-kata, tindakan menambah tanah di sekitar Batu Puteh (Pedra Branca), Batuan Tengah (Middle Rock) dan Tubis Selatan (South Ledge), yang masih menjadi per-tikaian antara Malaysia dan Singapura.

Kata sumber berkenaan, tin-dakan Singapura mahu meman-

bak tanah sekitar perairan Batu Puteh itu sekali gus memboleh-kan republik itu menuntut ka-wasan perairan lebih jauh sehingga Teluk Punggai di Perai-ran Johor Timur.

Mengulas lanjut, Azman ber-kata, ada kira-kira 1,500 nelayan kecil di sekitar Pengerang, ma-nakala 500 lagi di kawasan Se-dili.

"Saya berharap kerajaan me-ngambil tindakan tegas supaya hak perairan negara di Johor Ti-mur tidak terlepas ke negara lain."

"Ia bukan sahaja soal rezeki nelayan, malah sebenarnya membabitkan kedaulatan dan maruah negara," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	20	07/07/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		



Kebanyakan etnik Rohingya menjadi nelayan di Gertak Sanggul, Teluk Kumbar.

(Foto Danial Saad/BH)

### Etnik Rohingya diam di Gertak Sanggul

## Pihak berkuasa perlu siasat isu

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulaar Pinang (CAP) mencadangkan supaya perbincangan diadakan bersama ketua komuniti etnik Rohingya yang mendiami kawasan Gertak Sanggul di sini, bagi memupuk hubungan lebih baik dengan masyarakat tempatan.

Pihak berkuasa yang berkaitan juga perlu menyiasat dan mengambil langkah bagi mengatasinya dibangkitkan oleh penduduk setempat yang bimbang dengan kedatangan golongan terbit sejak lebih 10 tahun lalu.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata sepatutnya sosialisasi yang baik dapat diwujudkan bagi menjalin budaya sihat antara kedua-dua pihak.

Katanya, suatu penyelesaian perlu dicari supaya mereka juga boleh menjalani hidup bersama masyarakat tempatan...

"Difahamkan kebanyakan mereka dipercayai bekerja sebagai nelayan dan sudah pasti ini adalah pilihan yang mereka ada bagi mencari nafkah hidup.

"Jika kehadiran mereka di kawasan itu mencecah 800 orang seperti kata pengadu, pihak berkuasa perlu mengadakan bancian tepat," katanya di sini semalam.

Mohideen mengulas laporan mengenai penempatan etnik Rohingya yang semakin ramai di kawasan itu sehingga mendapat jolokan 'Bukit Malut kedua' dalam kalangan penduduk tempatan.

Beliau berkata, komuniti etnik berkenaan yang semakin besar memerlukan pengaturan baik bagi mengelak sebarang perselisihan dengan penduduk setempat.

Dalam keadaan hidup yang terbatas, realiti mereka tinggal berhimpit adalah kerana kemiskinan, oleh itu nasihat dan jalan alternatif perlu diberi supaya tidak berlaku hal tidak sepatutnya.

"Aduan mengenai adanya pelanggaran batas agama perlu disiasat namun sudah sampai masya piyah agensi berkaitan hal ehwal agama Islam mengambil

berat kehidupan mereka yang beragama Islam," katanya lagi.

Dalam perkembangan lanjut Mohideen berkata, pihaknya turut prihatin mengenai dakwaan anak kecil dibiar kan berkeliaran termasuk pada waktu malam.

Katanya, CAP berpendapat kejadian itu berlaku akibat anak etnik terbit tidak mendapat peluang pendidikan dan bimbingan yang sempurna.

"Pendekatan terbaik ialah dengan berinteraksi dan membantu supaya mereka tidak terbatit perkara tidak sihat. Justeru itu, kerja kemasyarakatan perlu dianjurkan dari semasa ke semasa bagi menjaga kebersihatan pantai.

"Tidak perlu menghalang mereka bagi mencari rezeki (sebagai nelayan). Pihak berkuasa harus mengendali soal keizinan komuniti itu mencari nafkah di kawasan berkenaan dengan syarat yang munasabah," katanya.

Sementara itu Pengarah Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar, berkata pihaknya sedia maklum mengenai situasi itu.

002M-H8